



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN MODEL KEMAHIRAN KEPIMPINAN GURU SEKOLAH
MENENGAH DI SHAH ALAM, SELANGOR

NORMAH BINTI KARMANI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
MOD PENYELIDIKAN
DAN KERJA KURSUS

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina model kemahiran kepimpinan guru. Kajian ini menggunakan soal selidik dan ditadbir kepada guru-guru di 17 buah sekolah menengah harian di Shah alam, Selangor. Seramai Seramai 350 responden telah dipilih dalam kajian ini dengan menggunakan pensampelan rawak mudah. Data dalam kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif, analisis faktor eksploratori dan analisis faktor konfirmatori bagi mengukur susun atur pertama dan juga susun atur kedua. Kajian ini mendapati sebanyak tiga sub konstruk kemahiran kepimpinan guru telah terbentuk bagi model kemahiran kepimpinan guru iaitu sub konstruk kemahiran penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran, kemahiran interaksi kolaborasi dan kemahiran kerjasama komuniti. Model yang terhasil ini boleh digunakan untuk memberi latihan kepimpinan kepada guru dalam program peningkatan profesionalisme guru.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



DEVELOPMENT OF TEACHER LEADERSHIP SKILLS MODEL FOR SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN SHAH ALAM, SELANGOR

ABSTRACT

This study aims to build Teacher's Leadership Skills Model. This study used a questionnaire administered to teachers in 17 secondary schools in Shah Alam, Selangor. A total of 350 respondents were selected in this study by using simple random sampling. Data in this study is analyzed using descriptive statistical analysis, exploratory factor analysis and confirmatory factor analysis to assess the layout of the first order factor and also second order factor. This study shows that three sub constructs of teacher's leadership skills were developed Teacher's Leadership Skills Model. These sub constructs are skills improvement in teaching and learning, collaboration and interaction skills and schools learning community. The resulting model can be used to provide leadership training to teachers in teacher professional development program.

.



**KANDUNGAN**

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN iii**PENGHARGAAN** iv**ABSTRAK** v**ABSTRACT** vi**KANDUNGAN** vii**SENARAI JADUAL** xii**SENARAI RAJAH** xiv**SENARAI SINGKATAN** xv**SENARAI LAMPIRAN****BAB 1 pendahuluan** 1

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 3

1.3 Pernyataan Masalah 7

1.4 Objektif Kajian 10

1.5 Persoalan Kajian 10

1.6 Hipotesis Kajian 10

1.7 Kerangka Konsep Kajian 11

1.8 Kepentingan Kajian 13

1.8.1 Kepada Guru 14





1.8.2	Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	14
1.8.3	Kepada Sekolah	15
1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Definisi Operasional	15
1.10.1	Kepimpinan Guru	16
1.10.2	Kemahiran Kepimpinan Guru	16
1.10.3	Penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran	17
1.10.4	Atribut Kepimpinan Guru	18
1.10.5	Kapasiti Organisasi	18
1.10.6	Interaksi Kolaborasi	19
1.10.7	Komuniti Pembelajaran Sekolah	20
1.10.8	Pakar Rujuk	20
1.11	Rumusan	21
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Teori Kemahiran Kepimpinan Guru	22
2.3	Kemahiran Kepimpinan Guru	27
2.3.1	Penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran	28
2.3.2	Atribut Kepimpinan Guru	29
2.3.3	Kapasiti Organisasi	30
2.3.4	Interaksi Kolaborasi	32





2.3.5	Komuniti Pembelajaran Sekolah	35
2.3.6	Pakar Rujuk	37
2.4	Ulasan Karya Terdahulu	38
2.4.1	Kajian Dalam Negara	39
2.4.2	Kajian Luar Negara	41
2.5	Rumusan	42
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	44
3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Populasi Kajian	46
3.4	Pensampelan Kajian	46
3.5	Instrumen Kajian	49
3.5.1	Bahagian A	50
3.5.2	Bahagian B	50
3.6	Prosedur Kajian	52
3.7	Kajian Rintis	53
3.7.1	Kajian Rintis Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	54
3.7.2	Kajian Rintis Analisis Konfirmatori (CFA- <i>Confirmatory Factor Analysis</i>)	64
3.7.2.1	Unidimensionality	65
3.7.2.2	Kesahan	66
3.7.2.3	Kebolehpercayaan	68



3.8	Penyaringan Data	80
3.9	Taburan Normaliti Data	81
3.10	Pengecaman Data Terpencil (<i>Outliers</i>)	82
3.11	Ujian Kebolehpercayaan	82
3.12	Kesahan Kandungan	83
3.13	Analisis Data	86
3.13.1	Statistik Deskriptif	86
3.13.2	Analisis EFA dan CFA	86
3.14	Langkah-langkah Pengujian Model	87
3.15	Rumusan	88

4.1	Pengenalan	89
4.2	Penyemakan Data	90
4.3	Analisis Taburan Normaliti Data	90
4.4	Profil Saiz Sampel	91
4.5	Profil Demografi Responden	91
4.6	Model Pengukuran Susun Atur Pertama Kemahiran Kepimpinan Guru	95
4.6.1	Indeks Kesepadanan Model (<i>Goodness of fit indices</i>)	97
4.6.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Kemahiran Kepimpinan Guru Susun Atur Pertama	98



4.7	Model Pengukuran Susun Atur Kedua Kemahiran Kepimpinan Guru	100
4.7.1	Indeks kesepadanan model (<i>Goodness of fit indices</i>)	102
4.7.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Kemahiran Kepimpinan Guru Susun Atur Kedua	104
4.8	Rumusan	105
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	109
5.1	Pengenalan	109
5.2	Rumusan Kajian	110
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	114
5.3.1	Penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	114
5.3.2	Komuniti Pembelajaran Sekolah	115
5.3.3	Interaksi Kolaborasi	117
5.4	Implikasi Kajian	118
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	120
5.6	Penutup	122
	RUJUKAN	125
	LAMPIRAN	130





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Sembilan Sfera Kepimpinan Guru	26
3.1 Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan	47
3.2 Penentuan jumlah sampel daripada jumlah sekolah dipilih	48
3.3 Konstruk Kemahiran Guru dan Bilangan Item	51
3.4 Indeks Kesepadanan Model untuk Faktor Analisis	56
3.5 Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan <i>Bartlett's Test</i>	57
3.6 Matriks Komponen Pemboleh Ubah Model Kemahiran Kepimpinan Guru Kaedah EFA Putaran Varimax serta Nilai Keseragaman Item(n=250)	58
3.7 Konstruk dan Item Instrumen Model kemahiran kepimpinan guru	63
3.8 Indeks Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach untuk Instrumen Kemahiran Kepimpinan Guru	64
3.9 Kategori Indeks dan Tahap penerimaan Setiap Indeks	67
3.10 Kategori Indeks dan Tahap Penerimaan Indeks Model Kemahiran Kepimpinan Guru	75
3.11 <i>Cronbach's Alpha, Factor Loading dan Convergent Validity</i>	77
3.12 Konstruk dan Item Baharu Model Kemahiran Kepimpinan Guru	78
3.13 Item Selepas Analisis CFA Model Kemahiran Kepimpinan Guru	79
3.14 Nilai Alpha Cronbach	83





3.15	Penilaian Pakar Terhadap Instrumen Konstruk Kepimpinan Guru	85
3.16	Soalan Kajian dan Analisis Data	87
4.1	Statistik Deskriptif Responden Mengikut Jantina (N=350)	92
4.2	Statistik Deskriptif Responden Berdasarkan Umur (N=350)	92
4.3	Statistik Deskriptif responden Berdasarkan Kelayakan Akademik (N=350)	93
4.4	Statistik Deskriptif Responden Berdasarkan Pengalaman Bekerja (N=350)	94
4.5	Kategori Indeks dan Tahap Penerimaan Setiap Indeks Model Kemahiran Kepimpinan Guru Susun Atur Pertama	97
4.6	Nilai Faktor Muatan, Cronbach's Alpha dan AVE Model Kemahiran Kepimpinan Guru Susun Atur Pertama	98
4.7	Kategori Indeks dan Tahap Penerimaan Setiap Indeks Model Kemahiran Kepimpinan Guru Susun Atur Kedua	102
4.8	Nilai faktor muatan, <i>Cronbach's Alpha dan AVE (Average Variance Extracted)</i> Model Kemahiran Kepimpinan Guru Susun Atur Kedua.	104
4.9	Rumusan Hipotesis dan Dapatan Kajian Model Pengukuran Kemahiran Kepimpinan Guru	106
4.10	Item Instrumen Model Kemahiran Kepimpinan Guru	107
5.1	Konstruk Kemahiran Kepimpinan Guru	113





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konsep Kemahiran Kepimpinan Guru	13
2.1 Model Kepimpinan Guru oleh York Barr dan Duke (2004)	23
2.2 Model Sfera Tindakan Pembelajaran Kepimpinan Guru	25
3.1 Rajah Carta Aliran Prosedur Kajian	53
3.2 Model Kemahiran Kepimpinan Guru Cadangan	72
3.3 Model Kemahiran Kepimpinan Guru Kajian Rintis	74
4.1 Model Pengukuran Susun Atur Pertama Kemahiran Kepimpinan Guru	96
4.2 Model Pengukuran Susun Atur Kedua Kemahiran Kepimpinan Guru	101
5.1 Model Kemahiran Kepimpinan Guru	112





SENARAI SINGKATAN

AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CR	<i>Composite Reliability</i>
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KMO	Kecukupan Sampel/ <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
PdP	Pengajaran dalam Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Kajian
- B Data Normaliti Ujian EFA Kajian Rintis
- C Nilai Eigen Analisis Faktor Kajian Rintis
- D Data Normaliti Ujian CFA Kajian Rintis
- E Kebolehpercayaan Nilai Alpha Cronbach Kajian Rintis
- F Data Normaliti Ujian CFA Kajian Sebenar
- G Senarai Pakar Luar Upsi dan Antarabangsa
- H Kebolehpercayaan Nilai Alpha Cronbach Kajian Sebenar
- I Saringan Data/Pembersihan Data
- J Surat Kebenaran Menjalankan Kajian





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Sejak lebih sedekad yang lalu kemahiran kepimpinan guru telah menjadi perbincangan dalam kalangan pengkaji kepimpinan. Kemahiran kepimpinan guru penting dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap. . Ini sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2013-2025. Berdasarkan kajian terdahulu, amalan kemahiran kepimpinan guru berfokus kepada kepimpinan dalam pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan kapasiti organisasi (York-Barr & Duke, 2004). Namun begitu, terdapat persetujuan dalam kalangan pengkaji yang menyatakan bahawa peranan kemahiran kepimpinan guru telah berkembang



dengan melibatkan pembelajaran profesional guru yang melibatkan kolaborasi dengan rakan-rakan serta kolaborasi bersama komuniti (Fairman dan Mackenzie, 2014).

Menurut pemerhatian pengkaji terdahulu, kemahiran kepimpinan guru dalam pembelajaran profesional merupakan kemahiran asas dalam meningkatkan kualiti guru-guru dalam proses pengajaran dalam pembelajaran. Ia meliputi kemahiran perkongsian amalan terbaik guru, mentor kepada guru baharu serta kerja sama rakan sejawat. Kemahiran kepimpinan guru ini bukan sahaja membawa ke arah peningkatan pengajaran yang cemerlang malah guru menjadi lebih cekap dan pakar (Goodwin, Low, & Ng, 2015; York-Barr & Duke, 2004). Penyebaran strategi pengajaran berkesan dalam kalangan guru dapat dimaksimumkan melalui budaya kolaborasi yang diamalkan antara rakan sekerja (Sun, Penuel, Frank, Gallagher, & Youngs, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
 Malah, kemahiran guru berkongsi idea dan kolaborasi ini dapat meningkatkan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran (Schrum & Levin, 2013).

Sehingga kini kemahiran kepimpinan guru dilihat sebagai agen perubahan dalam kecemerlangan pengajaran berkualiti guru. Ini kerana, kemahiran kepimpinan guru berupaya meningkatkan pengaruh guru dan juga memberi sokongan kepada guru baharu. Kemahiran guru juga memberi pengiktirafan dan ganjaran sewajarnya kepada guru-guru sebagai sokongan darjah kepakaran dan kemahiran tinggi mereka. Selain menjadi teras dalam fungsi pengajaran dalam pembelajaran, kemahiran kepimpinan guru sekolah juga penting dalam membantu pembangunan kapasiti operasi sekolah. Kemahiran dan kepakaran guru yang dimanfaatkan dalam tadbir urus sekolah dapat meningkatkan pengaruh guru dalam membuat keputusan dalam instruksional, isu-isu dalam bilik darjah dan juga organisasi (York-Barr & Duke, 2004). Produktiviti kerja

guru juga dapat ditingkatkan kerana kemahiran kepimpinan guru menyebabkan berlakunya penyebaran pengetahuan dalam kalangan guru. Ini dapat mengelakkan jurang antara guru berkemahiran dengan guru yang kurang berkemahiran (Sun et al., 2013). Kemahiran kepimpinan guru juga memberi ruang saling melengkapi antara guru dan ia dapat dibangunkan dari semasa ke semasa (Fairman dan Mackenzie, 2014). Kemahiran kepimpinan guru ini boleh dibangunkan melalui program peningkatan profesional. Oleh itu kajian terhadap pembinaan model kemahiran kepimpinan guru boleh dibina agar dapat dijadikan panduan melahirkan pemimpin guru yang efektif dan cemerlang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Peningkatan profesionalisme dan kualiti guru menjadi agenda utama sejak kebelakangan ini kerana para guru berhadapan dengan persaingan global. Peningkatan kualiti guru menjadi penjana kepada pencapaian matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2013-2025 untuk meletakkan negara dalam kelompok sepertiga dalam sistem pendidikan terbaik dunia. Justeru itu, peningkatan kualiti guru merupakan faktor penting dalam menentukan keberhasilan pelajar. Maka wujudlah Pelaksanaan Pelan Tindakan Sistem Pendidikan yang ditransformasikan sebagai persediaan menghadapi cabaran abad ke-21. Gelombang ke-3 (2021-2025) PPPM telah menerapkan aspek kepimpinan guru dengan meneruskan budaya kecemerlangan profesion menerusi kerjasama antara rakan sekerja. Kolaborasi antara guru dan perkongsian amalan terbaik dalam pengajaran dapat memastikan para guru berupaya memikul tanggungjawab untuk memenuhi standard profesion keguruan mereka

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Namun begitu, pemimpin guru yang menjalankan kolaborasi untuk meningkatkan amalan terbaik dalam pengajaran berhadapan kesukaran apabila mereka tidak dibekalkan dengan kemahiran kepimpinan guru (Pearce, 2015).

Kajian terkini berkaitan kemahiran kepimpinan guru menunjukkan bahawa guru-guru yang baharu dan tidak berpengalaman berdepan kesulitan dalam menjalankan tugas harian mereka khususnya dalam melaksanakan tanggungjawab mendidik jika tidak berbekalkan kemahiran kepimpinan guru. Kemahiran kepimpinan guru menyediakan ruang guru melaksanakan kolaborasi bersama guru lain dengan menjadi fasilitator, mentor yang membimbing rakan dengan matlamat penambahbaikan sekolah dan peningkatan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Goodwin et al., 2015; Pearce, 2015). Apabila guru mempunyai kemahiran kepimpinan guru maka guru dilihat lebih bersedia ketika menjalankan peranannya sebagai pemimpin guru. Kemahiran kepimpinan guru menjadikan pemimpin guru ini mempunyai inspirasi yang tinggi serta bersedia untuk mengadaptasi strategi-strategi dalam kepimpinan guru (Goodwin et al., 2015; Hunzicker, 2013). Kemahiran kepimpinan guru juga menjadi asas kepada pemimpin guru memaksimumkan kepakaran mereka dalam pembelajaran organisasi (Berg, Carver, & Mangin, 2013). Kemahiran kepimpinan guru dilihat sebagai aspek penting dalam menjalankan peranan kepimpinan guru ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang. Justeru itu, pemimpin guru perlu membina dan mengukuhkan kemahiran kepimpinan guru mereka.

Beberapa kajian berkaitan kemahiran kepimpinan guru mendedahkan bahawa kemahiran kolaborasi merupakan aspek penting ketika menjalankan peranan kepimpinan guru yang cemerlang dan berkualiti. Kolaborasi dapat dibina dan dikukuhkan melalui program pembangunan profesional yang dijalankan di sekolah mahupun program di peringkat persediaan pemimpin guru. Program pembangunan profesional bukan sahaja membantu mengukuhkan kemahiran kepimpinan guru antaranya kemahiran memudahkan penggunaan data, memimpin dalam sistem kepimpinan bersama (*shared leadership*) serta memaksimumkan kepakaran profesionalisme untuk pembelajaran organisasi malah membina minat yang berfokus kepada peningkatan amalan terbaik dalam pengajaran, berkongsi bentuk kepimpinan dan juga komunikasi (Berg et al., 2013; Goodwin et al., 2015). Namun begitu, pembangunan profesional melalui kursus dan bengkel untuk proses meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran masih tidak mencukupi untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan guru (Hunzicker, 2013).

Pembangunan profesional yang digabungkan dengan kolaborasi pemimpin guru perlu ditanamkan dalam aktiviti kepimpinan guru di sekolah dan daerah mereka. Usaha saling membantu yang dijalankan berasaskan proses kerja ini memberi peluang pemimpin guru mengamalkan kepimpinan guru, mendapat maklum balas serta bertindak balas. Pengetahuan hasil daripada pembangunan profesional yang digabungkan dengan amalan kerjasama guru dan ditanamkan dalam amalan pengajaran guru setiap hari berupaya meningkatkan kemahiran kepimpinan guru secara beransur-ansur serta berupaya meningkatkan keberkesanan pemimpin guru. Kolaborasi guru merupakan faktor penting dalam menyumbang kepada komuniti pembelajaran secara kolaboratif. Namun begitu kajian ini hanya mengkaji kesan

terhadap kolaborasi kepada struktur penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran sahaja (Hunzicker, 2013).

Justeru itu, pembinaan model kemahiran kepimpinan guru diperlukan sebagai panduan kepada pemimpin guru menjalankan peranan kepimpinan mereka. Kajian pembinaan model kemahiran kepimpinan guru oleh Nudrat dan Akhtar (2014) telah dilaksanakan dengan bertemakan kebolehan dan kemahiran kepimpinan guru. Walaupun kajian ini membuat susunan konstruk mengikut keutamaan kemahiran kepimpinan guru namun kebanyakan konstruk yang dibina menjurus kepada usaha memperhebat amalan pengajaran dan pembelajaran. Antaranya adalah pendidikan dalam bilik darjah, kolaborasi dalam mempengaruhi rakan dalam pengajaran, menguasai pembelajaran untuk mendapatkan pengetahuan dan sumber serta mengambil inisiatif untuk mendapatkan trend pedagogi terkini. Selebihnya merupakan konstruk kebolehan pemimpin yang menunjukkan atribut kepimpinan guru. Antaranya kemahiran etika kepimpinan, interpersonal dan kestabilan emosi (Nudrat & Akhtar, 2014). Sedangkan beberapa kemahiran kepimpinan guru dalam aspek pembangunan organisasi, kolaborasi dengan komuniti yang lebih luas serta perkongsian kepakaran dalam konteks yang lebih global perlu di titik beratkan dalam pembinaan model kemahiran kepimpinan guru (Fairman & Mackenzie, 2012). Oleh itu, model kemahiran kepimpinan guru yang lebih lengkap dan menyeluruh perlu dibina agar dapat dijadikan rujukan kepada pemimpin guru berkualiti dalam menyelesaikan tugas sebagai pemimpin guru (Fairman & Mackenzie, 2012; York-Barr & Duke, 2004).

Kajian berkaitan model kepimpinan guru kebelakangan ini bukan sahaja berfokus kepada peranan dan fungsi kepimpinan guru dalam penambahbaikan dalam

pengajaran dan pembelajaran serta atribut kepimpinan guru sahaja. Fokus kepimpinan guru juga melibatkan pemimpin guru turut serta dalam pembangunan organisasi sekolah. Pemimpin guru yang cekap dalam membuat keputusan dapat membantu organisasi sekolah mencapai matlamatnya. Pemimpin guru yang mempunyai pelbagai kebolehan dalam kepimpinan guru memberi peluang pemimpin guru mengambil bahagian dalam penambahbaikan dan pembangunan organisasi secara keseluruhan. Kepimpinan guru yang berkemahiran tinggi dalam bidang masing-masing dapat memanfaatkan kepakaran mereka bukan sahaja di sekolah malah ke peringkat yang lebih global (Fairman & Mackenzie, 2012; York-Barr & Duke, 2004). Pemimpin guru yang cekap dalam kolaborasi juga dapat mengatasi pelbagai masalah dan halangan. Di samping itu ia juga membantu pemimpin guru menjalankan tugas dalam komuniti yang lebih luas yang melibatkan ibu bapa serta pelajar (York-Barr & Duke, 2004).

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

Kepimpinan guru yang dipamerkan memberi peluang para pendidik untuk mengembangkan kecekapan mereka. Justeru itu, pembinaan model kemahiran kepimpinan yang lebih menyeluruh adalah perlu agar pemimpin guru berupaya berhadapan cabaran dan halangan ketika menyelesaikan kewajipan mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Amalan kemahiran dan pengetahuan dalam kepimpinan guru ternyata berupaya meningkatkan prestasi pelajar. Guru harus memperhebat kemahiran kepimpinannya bagi meningkatkan prestasi pelajar. Kemahiran kepimpinan guru berupaya mempengaruhi guru lain untuk sama-sama belajar dan menambah amalan pengajaran mereka (Katzenmeyer & Moller, 2001). Perkembangan pesat dalam teknologi abad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ke-21 menyebabkan guru menghadapi kesukaran dalam meneruskan tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin guru. Cabaran globalisasi ini menuntut kemahiran dan pengetahuan kepimpinan yang baharu sejajar dengan keperluan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Fullan, 2001).

Usaha melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang malah seimbang dari segi rohani dan jasmani memerlukan kualiti pengajaran yang tinggi. Namun begitu, pencapaian pengajaran guru berdasarkan standard yang ditetapkan didapati berada pada tahap yang membimbangkan. Dapatan kajian oleh AKEPT (Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi) Kementerian Pengajian Tinggi mendapati 12 peratus sahaja pencapaian pengajaran guru mencapai standard yang tinggi dengan mempraktikkan kaedah pengajaran cemerlang. 38 peratus guru pula memperlihatkan prestasi pengajaran pada standard yang memuaskan manakala 50 peratus mempamerkan pencapaian pengajaran tidak memuaskan dengan melaksanakan kaedah pengajaran yang menjemukan pelajar. Malah unsur kemahiran berfikir atas tinggi (KBAT) juga kurang diterapkan dalam pengajaran mereka (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Standard kualiti pengajaran guru pada tahap yang membimbangkan ini menuntut para guru mencari jalan untuk meningkatkan standard kualiti pengajaran mereka. Justeru itu, para guru memerlukan kemahiran kepimpinan guru dalam usaha menempuh pelbagai tentangan dalam dunia pendidikan.

Selain daripada itu, pemimpin guru juga menempuh cabaran dengan kurangnya sokongan dari pihak pentadbiran dan rakan sejawat dalam mengharungi tugas dan tanggungjawab mereka. Pemimpin guru yang bertindak secara bersendirian dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran berdepan kepayahan tanpa

bantuan dan kerjasama rakan sejawat dan pentadbir sekolah (Curtis, 2013). Pihak pentadbiran juga kurang memberi penekanan untuk menyediakan program memupuk kemahiran kepimpinan guru yang merupakan aspek penting dalam melahirkan guru yang berkualiti (Muijs, Chapman, & Armstrong, 2013).

Kajian berkaitan model kepimpinan guru sebelum ini mempunyai sedikit kelemahan kerana kebanyakannya adalah berbentuk kualitatif dan kajian kes (York Barr & Duke, 2004). Ketika ini walaupun terdapat kajian mengkaji berkaitan kepimpinan guru tetapi masih sedikit yang melihat aspek kemahiran kepimpinan guru (Lieberman & Miller, 2004). Kajian yang belum lengkap dalam bidang kemahiran kepimpinan guru disebabkan kurangnya model mengukur kemahiran kepimpinan guru (Fairman & Mackenzie, 2012). Model kemahiran kepimpinan guru di rantau asia juga masih kurang diberi perhatian lagi. Ini sejajr dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), 2013-2025 dalam anjakan 4 yang meletakkan matlamat untuk membudayakan kecemerlanagn berasaskan pemimpin rakan sekerja menjelang tahun2025. Kemahiran kepimpinan guru berupaya membangun dan menyebarkan amalan terbaik dan sama-sama bertanggungjawab mancapai standard profesional keguruan. Sehubungan itu satu kajian berkaitan model pengukuran kemahiran kepimpinan guru perlu dilakukan bagi mengukur kemahiran kepimpinan guru dalam kalangan guru di Shah Alam, Selangor.

1.4 Objektif Kajian

Secara amnya objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti konstruk kemahiran kepimpinan guru dalam kalangan guru sekolah menengah di Shah Alam, Selangor. Secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti berikut:

Objektif kajian 1:

Menentukan model kemahiran kepimpinan guru dapat diterangkan dengan enam subkonstruk berikut: penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran (PdP), atribut kepimpinan guru, kapasiti organisasi, interaksi kolaborasi, komuniti pembelajaran sekolah dan pakar rujuk.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian kemahiran kepimpinan guru, kajian yang dijalankan diharapkan dapat menjawab persoalan kajian ini, iaitu:

Persoalan kajian 1:

Adakah model kemahiran kepimpinan guru dapat diterangkan dengan enam subkonstruk berikut: penambahbaikan PdP, atribut kepimpinan guru, kapasiti organisasi, interaksi kolaborasi, komuniti pembelajaran sekolah dan pakar rujuk?.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian bagi menjawab persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

Hipotesis kajian alternatif H1:

Model kemahiran kepimpinan guru boleh diterangkan dengan enam subkonstruk berikut: penambahbaikan PdP, atribut kepimpinan guru, kapasiti organisasi, interaksi kolaborasi, komuniti pembelajaran sekolah dan pakar rujuk.

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian kemahiran kepimpinan guru ini melibatkan beberapa konstruk kemahiran kepimpinan guru. Antara subkonstruk bagi mengukur kemahiran kepimpinan guru ialah penambahbaikan PdP, atribut kepimpinan guru, kapasiti organisasi, interaksi kolaborasi, komuniti pembelajaran sekolah dan pakar rujuk.

Kerangka konsep kajian ini telah dibentuk hasil daripada kajian terdahulu dengan mengambil kira sorotan kajian, teori dan model berkaitan kemahiran kepimpinan guru. Teori tindakan kepimpinan guru yang dibina oleh York Barr dan Duke (2004) serta model sfera tindakan kepimpinan guru (Fairman & Mackenzie, 2014) telah dijadikan asas bagi membina kerangka konsep model kemahiran kepimpinan guru.

Teori tindakan kepimpinan guru yang dibina oleh York Barr dan Duke (2004) mendapati bahawa pemimpin guru yang menjalankan tugas kepimpinan berpeluang mempamerkan atribut kepimpinan dan dinilai oleh rakan-rakan sekerja mereka.